

Literasi media menjadi pemangkin kepada pembangunan belia. Medium seperti media massa serta teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communication Technology*) atau ICT membantu mobiliti belia untuk mendapatkan maklumat dan menggilap potensi diri mereka.

Alat komunikasi seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan sebagainya merupakan media massa yang dapat menyampaikan maklumat atau berita kepada orang ramai dalam masa yang singkat. Manakala ICT pula merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data yang melibatkan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat.



Internet

Langganan Jalur Lebar dan Kadar Penembusan

"Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan diperluas secara agresif dalam tempoh RMK-10 untuk memudahkan kesalinghubungan kepada rangkaian pengetahuan global. Kerajaan mensasarkan 75% isi rumah mendapat liputan jalur lebar menjelang tahun 2015"

- RMK 10

Tahun	Tetap ('000)			Tanpa Wayar ('000)			Jumlah ('000)
	ADSL	SDSL	Lain-lain ¹	Mudahalih	3G	Lain-lain ²	
2006	735.9	4.8	10.3	4.5	-	-	755.5
2007	1,002.4	6.5	16.9	96.4	-	-	1,122.2
2008	1,281.9	7.9	28.7	386.2	-	13.8	1,718.5
2009	1,513.5	10.2	148.1	927.8		20.8	2,620.4
2010	1,786.3	9.6	282.6	2,011.9	601.7	30.1	4,722.2

Nota :


1 Termasuk satelit, fixed wireless, VDSL, Fiber, WiMax dan Unifi

2 Termasuk Iburst, EV-DO dan Danawa

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, 2011

Penggunaan Internet Di Kalangan Belia

Kategori Umur Pengguna Internet	15 - 25 tahun (%)	26 - 40 tahun (%)
Setiap hari	19	18
4-5 kali seminggu	26	21
1-3 kali seminggu	22	17
1 kali seminggu	18	15
Tidak pernah	15	29



*Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Bilangan Langganan Telefon Selular

Pada tahun 2007, langganan telefon selular pascabayar adalah sebanyak 3,905,000 dan prabayar sebanyak 19,442,000. Maka jumlah langganan telefon selular pada tahun tersebut adalah sebanyak 23,347,000.

Pada tahun 2008, langganan telefon selular pascabayar adalah sebanyak 5,544,000 dan prabayar sebanyak 22,169,000. Maka jumlah langganan telefon selular pada tahun tersebut adalah sebanyak 27,713,000.

Pada tahun 2009, langganan telefon selular pascabayar adalah sebanyak 6,265,000 dan prabayar sebanyak 23,879,000. Maka jumlah langganan telefon selular pada tahun tersebut adalah sebanyak 30,144,000.

Pada tahun 2010, langganan telefon selular pascabayar adalah sebanyak 6,689,000 dan prabayar sebanyak 26,417,000. Maka jumlah langganan telefon selular pada tahun tersebut adalah sebanyak 33,106,000.

Tahun	Pascabayar (‘000)	Prabayar (‘000)	Jumlah (‘000)
2007	3,905	19,442	23,347
2008	5,544	22,169	27,713
2009	6,265	23,879	30,144
2010	6,689	26,417	33,106

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, 2011

Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS)



Pada tahun 2007, bilangan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) adalah sebanyak 56,885,500. Jumlah ini meningkat kepada 73,211,300 atau 28.7 peratus pada tahun 2008.

Pada tahun 2009, bilangan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) adalah sebanyak 89,408,800 iaitu peningkatan sebanyak 22.12 peratus berbanding tahun 2008 dan pada tahun 2010 adalah sebanyak 97,141,200 iaitu meningkat sebanyak 8.65 peratus berbanding tahun 2009.

Tahun	Pesanan Khidmat Ringkas (SMS) ('000)
2007	56,885.5
2008	73,211.3
2009	89,408.8
2010	97,141.2

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, 2011

Penggunaan Telefon Bimbit Dan Pesanan Khidmat Ringkas Di Kalangan Belia

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ke atas 5,223 belia di seluruh Malaysia, kekerapan penggunaan telefon bimbit di bahagikan kepada kekerapan berbual, menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) dan penggunaan khidmat pesanan multimedia (MMS). Kekerapan berbual diklasifikasikan kepada lebih 20 kali sehari, 10 hingga 20 kali sehari, 5 hingga 10 kali sehari dan kurang 5 kali sehari.

Kekerapan menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) dan penggunaan khidmat pesanan multimedia (MMS) diklasifikasikan kepada lebih 51 hingga 100 kali sehari, 31 hingga 50 kali sehari, 11 hingga 30 kali sehari dan kurang 10 kali sehari.

Kekerapan berbual	Peratus (%)	Kekerapan menggunakan SMS	Peratus (%)	Kekerapan menggunakan MMS	Peratus (%)
Lebih 20 kali sehari	12	Lebih 51-100 kali sehari	12	Lebih 51-100 kali sehari	1
10 -20 kali sehari	18	31-50 kali sehari	23	31-50 kali sehari	2
5 -10 kali sehari	32	11-30 kali sehari	31	11-30 kali sehari	4
Kurang 5 kali sehari	36	Kurang 10 kali sehari	31	Kurang 10 kali sehari	42


Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Televisyen

Kekerapan penggunaan di kalangan belia

Dapatan kekerapan menonton televisyen di kalangan belia dalam tempoh seminggu diperolehi melalui kajian ke atas 5,223 orang belia di seluruh Malaysia. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 95 peratus belia menonton TV percuma dan sebanyak 74 peratus belia melanggan TV berbayar.

Kekerapan dalam tempoh seminggu	Penggunaan TV Percuma (%)	Penggunaan TV Berbayar (%)
Setiap hari	22	17
4-5 kali seminggu	32	27
2-3 kali seminggu	27	19
1 kali seminggu	14	11
Tidak pernah/tidak berkenaan	5	26



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, 2011

Rancangan Televisyen Yang Ditonton Belia

Berdasarkan kajian ke atas 5,223 orang belia di seluruh Malaysia berhubung rancangan/program televisyen yang kerap ditonton, dapatan kajian menunjukkan bagi program berita atau info, sebanyak 59 peratus belia kerap menontonnya.

Bagi program pendidikan, sebanyak 22 peratus menyatakan kerap menonton dan bagi program kesihatan sebanyak 19 peratus kerap menonton. Program agama, sebanyak 22 peratus menyatakan mereka kerap menonton rancangan/program ini dan bagi program sukan, sebanyak 43 peratus menyatakan kerap menontonnya.

Bagi program berbentuk hiburan, sebanyak 69 peratus belia kerap menonton rancangan ini.

Jenis Rancangan	Peratus menonton (%)	Peratus tidak menonton (%)
Berita/info	59	41
Pendidikan	22	78
Kesihatan	19	81
Ruangan agama	22	78
Sukan	43	57
Hiburan	69	31

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Akhbar dan Buku

Kekerapan pembacaan di kalangan belia

Berdasarkan kajian ke atas 5,223 orang belia di seluruh Malaysia, sebanyak 93.7 peratus atau 4,896 orang belia membaca akhbar dan sebanyak 85.4 peratus atau 4,459 orang belia membaca buku.

Di kalangan 4,896 orang belia yang membaca akhbar, sebanyak 13.6 peratus menyatakan membaca setiap hari, 29.4 peratus menyatakan 4 hingga 5 kali seminggu, 31.0 peratus menyatakan 2 hingga 3 kali seminggu, 19.7 peratus menyatakan kekerapan sekali seminggu dan 6.3 peratus menyatakan tidak pernah membaca akhbar.

Bagi 4,459 orang belia yang membaca buku, sebanyak 6.8 peratus menyatakan kekerapan membaca buku setiap hari, 19.4 peratus menyatakan 4 hingga 5 kali seminggu, 29.7 peratus menyatakan 2 hingga 3 kali seminggu, 29.5 peratus menyatakan kekerapan sekali seminggu dan 14.6 peratus menyatakan tidak pernah membaca buku dalam seminggu.

Kekerapan dalam tempoh seminggu	Akhbar (%)	Buku (%)
Setiap hari	13.6	6.8
4-5 kali seminggu	29.4	19.4
2-3 kali seminggu	31.0	29.7
1 kali seminggu	19.7	29.5
Tidak pernah	6.3	14.6

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Ruangan Akhbar Dan Jenis Buku



Ruangan Akhbar	4,896 daripada 5,223 responden (%)	Jenis buku	4,459 daripada 5,223 responden (%)
Berita tempatan	75	Politik	11
Berita luar negara	43	Pendidikan	28
Sastera	8	Keagamaan	27
Hiburan	52	Novel	44
Sukan	48	Sains Fiksyen	20
Rencana	17	Motivasi	24
Politik	18	Kesihatan	28
Komen/pendapat	15	Akademik	20
Ekonomi/kewangan	17	Perniagaan	18
Kesihatan	25	Seram	19
Iklan	15	Pornografi	1

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Mendengar Radio

Berdasarkan kajian ke atas 5,223 orang belia di seluruh Malaysia, didapati bahawa sebanyak 11 peratus menyatakan mereka mendengar radio setiap hari. Sebanyak 25 peratus, menyatakan mereka mendengar radio antara 4 hingga 5 kali seminggu, sebanyak 31 peratus menyatakan mereka mendengar radio 2 hingga 3 kali seminggu.

Selain itu, sebanyak 24 peratus daripada responden menyatakan mereka mendengar radio sekali seminggu dan selebihnya sebanyak 9 peratus menyatakan mereka tidak pernah mendengar radio dalam minggu yang dikaji.

Kekerapan dalam tempoh seminggu	Peratus (%)
Setiap hari	11
4-5 kali seminggu	25
2-3 kali seminggu	31
1 kali seminggu	24
Tidak pernah/Tidak berkenaan	9

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Jenis muzik yang didengari



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Analisa yang dilaksanakan ke atas 5,223 orang belia, mendapati terdapat beberapa jenis muzik yang suka didengari oleh belia.

Antara jenis muzik yang digemari oleh belia antaranya balada iaitu sebanyak 46 peratus, lagu-lagu keagamaan sebanyak 25 peratus, irama Malaysia sebanyak 25 peratus, rap sebanyak 16 peratus, pop sebanyak 46 peratus, hip-hop sebanyak 21 peratus, alternatif sebanyak 18 peratus, *rock* sebanyak 32 peratus dan *heavy metal* sebanyak 10 peratus.

Jenis muzik	%
Balada	46
Keagamaan	25
Irama Malaysia	25
Rap	16
Pop	46

Jenis muzik	%
Hip-hop	21
Alternatif	18
<i>Rock</i>	32
<i>Heavy metal</i>	10

Skor Indeks Belia Malaysia 2010 (IBM'10) Bagi Ketembusan Media

Secara keseluruhannya, skor domain bagi ketembusan media IBM'11 adalah 87.4. Hal ini menunjukkan golongan belia terus menikmati suasana persekitaran “kaya media” dan berada pada tahap yang sangat baik berdasarkan skor Indeks Belia Malaysia yang telah ditetapkan.

Indikator	Skor Indikator IBM 2011	Skor IBM 2011
TV Percuma	95.6	87.4
TV Berbayar	77.0	
Radio	92.5	
Akhbar/Majalah	95.2	
Buku	88.1	
Telefon Bimbit	96.6	
Komputer	83.3	
Internet	82.1	
CD/DVD/MP3/MP4	76.1	



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011